

**BERITA ONLINE
ASTRO AWANI
TARIKH : 30 DISEMBER 2021 (SABTU)**



Pasca Bajet 2022 | MOSTI tumpu giatkan R&D, IR4.0, MyStartup



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTI akan fokuskan peruntukan dalam Bajet 2022 kepada tiga perkara termasuk mempergiatkan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D), hab inovasi: revolusi industri keempat dan strategi MyStartup. Menurut menterinya Datuk Seri Adham Baba, kementerian itu komited melaksanakan pelbagai inisiatif yang telah dirancang dan akan memberi tumpuan kepada matlamat untuk memulihkan kehidupan, serta mata pencarian rakyat bersesuaian dengan tiga bidang fokus Bajet 2022 iaitu 3R; recovery (memulih), resilience (membina daya tahan) dan reform (menyusun semula).